

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.  
Khairuddin bin Aman Razali  
[ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 42**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah yang diambil untuk membantu penoreh getah di bawah RISDA ekoran kejatuhan harga komoditi tersebut di pasaran.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Ketika ini Kementerian melalui RISDA sedar bahawa penoreh getah menerima kesan akibat daripada kejatuhan harga getah di pasaran sekaligus memberi kesan kepada hasil jualan getah mereka.

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh RISDA adalah seperti berikut :

- a. mewujudkan mekanisma **pengurangan harga benih dan baja** di mana harga benih RISDA adalah RM2.33/pokok berbanding harga pasaran RM4.50/pokok. Manakala jumlah pengurangan harga baja iaitu baja RISDA 1 dikurangkan daripada RM1,374/MT (2013) kepada RM1,190/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM184/MT dan baja RISDA 4 daripada RM1,448/MT (2013) kepada RM1,100/MT (2014), perbezaannya sebanyak RM348/MT. Pengurangan kedua-dua jenis baja tersebut berjumlah sebanyak RM532/MT;

- b. membantu Pekebun Kecil mengurangi kos input dengan meningkatkan produktiviti getah. Mereka diberi bantuan alat torehan melalui **Program Pengekalan Getah (PPG)** serta bahan rangsangan lateks, cuka pembeku getah dan baja melalui **Skim Insentif Produktiviti Getah (SIPG)**;
- c. melalui **Program Pembangunan Infrastruktur Pemasaran (PIP)** dengan pembinaan **Pusat Timbang dan Stor (PTS)** serta **Depo Simpanan** RISDA yang berperanan untuk memendekkan rangkaian pemasaran agar Pekebun Kecil memperoleh harga yang lebih tinggi;
- d. mengalakkan Pekebun Kecil mengamalkan **Good Agricultural Practices (GAP)**. Amalan ini berupaya mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing sekaligus meningkatkan pendapatan mereka sendiri;

- e. memperkenalkan **Low Intensity Tapping System (LITS)** atau **Sistem Torehan Kekерapan Rendah** yang dapat meningkatkan bilangan *task* torehan mereka;
- f. mempergiatkan Program **Aktiviti Ekonomi Tambahan** untuk memastikan penggunaan tanah yang optimum dengan menggalakkan Pekebun Kecil supaya melaksanakan tanaman kontan seperti cili, pisang, nenas dan lain – lain bagi menjana pendapatan tambahan;
- g. menggalakkan Pekebun Kecil menyertai **Program Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain (TSGL)** yang merangkumi 5 jenis tanaman buah – buahan iaitu Durian, Nangka Madu, Mangga, Manggis dan Kelapa Mataq untuk menikmati pendapatan tambahan selain hasil getah;
- h. meningkatkan agihan dividen kepada Pekebun Kecil dengan usaha **Syarikat Milikan RISDA** yang mengoptimumkan kesemua kawasan getah supaya boleh ditoreh sekaligus untuk memaksimakan hasil getah; dan

- i. memberikan bantuan kewangan sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan kepada Pekebun Kecil yang layak melalui **Program Bantuan Sara Hidup Pekebun Kecil (SHPK)**. Program yang bermula pada tahun 2013 dan akan berakhir pada tahun 2016 ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan harian bagi Pekebun Kecil yang bergantung sepenuhnya kepada hasil kebun. Peruntukan tahunan bagi Program ini adalah sebanyak RM5.742 juta untuk 957 Pekebun Kecil setahun.